



MASJID al-Furqan Kampung Air Tempayan, lokasi jemaah ditembak penyerang ketika solat Isyak.

FATHIL ASRI | BERITA HARIAN

Tembak jemaah dalam masjid perbuatan kejam

Tragedi paling buruk selepas serangan Krisek, Tak Bai

Daripada Ismail Mat
ismail_mat@bharian.com.my

NARATHIWAT (SELATAN THAILAND): Serangan bersenjata yang mengorbankan 12 jemaah yang sedang menunaikan solat Isyak di Masjid al-Furqan di Kampung Air Tempayan dalam Mukim Cho Airong malam kelmarin, disifatkan kekejaman paling buruk selepas Tragedi Masjid Krisek dan Takbai pada

ketika kami berusaha mencari penyelesaian berkekal.

"Di kalangan pihak berkuasa Thailand ketika ini, ada beberapa kumpulan menyokong proses damai di wilayah ini, dan ada pihak kami dapati menentang proses damai. Mereka ini yang bertanggungjawab terhadap serangan kejam ini," katanya kepada *Berita Harian* di sini, semalam.

Ahli Parlimen Narathiwat,

pihak yang berselindung di sebaliknya matlamat tertentu dan bukannya kumpulan pemisahannya," katanya kepada media tempatan, semalam.

Keganasan dilaporkan meningkat di selatan Thailand sejak beberapa minggu lalu. Sejak Januari 2004 hingga kini, lebih 3,500 orang terbunuh dalam pelbagai siri keganasan di tiga wilayah yang mempunyai majoriti penduduk Islam iaitu Yala, Narathiwat dan Pattani, walaupun lebih



PENDUDUK Islam Thai melihat jenazah mangsa serangan di masjid dikebumikan dalam satu liang lahad di tanah perkuburan Cho Airong, Narathiwat, semalam.

2004.

Jurucakap Pertubuhan Pembebasan Pattani Bersatu (Pulo), Kasturi Mahkota, mendakwa kekejaman terbaru terhadap umat Islam itu adalah angkara perbuatan balas dendam anggota keselamatan Thailand, ekoran serangan bom yang mencederakan sembilan rakan mereka sehari sebelumnya di kawasan Yingo, Narathiwat.

"Serangan kejam ini adalah perbuatan pihak berkuasa Thailand dan ia tiada kaitan dengan mana-mana kumpulan pejuang pemisah di selatan Thailand. Pulo mengutuk keras perbuatan yang kejam ini kerana mereka menjadikan umat Islam yang sedang bersolat sebagai sasaran membalas dendam.

"Pulo dan mana-mana kumpulan pejuang di wilayah selatan tidak akan melakukan perbuatan kejam ini kerana kami berjuang untuk menegakkan syariat Allah. Ini adalah angkara balas dendam serta usaha pihak tertentu cuba mengeruhkan suasana di wilayah selatan

dan Pattani, walaupun lebih daripada Demokrat, turut melahirkan keraguan terhadap dakwaan mengatakan kumpulan pejuang pemisah wilayah itu, terbabit dalam insiden terbaru pengeboman dan tembakan.

"Ramai Ahli Parlimen di selatan ketika ini, berasa sangsi memandangkan insiden keganasan ini berlaku ketika rang undang-undang belanjawan hendak dibahas di Parlimen.

"Kami melihat serangan ini mungkin dilakukan beberapa

“ *Pulo mengutuk keras perbuatan yang kejam ini kerana mereka menjadikan umat Islam yang sedang bersolat sebagai sasaran membalas dendam”*

Kasturi Mahkota
Jurucakap Pertubuhan
Pembebasan Pattani Bersatu

dan Pattani, walaupun lebih daripada Demokrat, turut melahirkan keraguan terhadap dakwaan mengatakan kumpulan pejuang pemisah wilayah itu, terbabit dalam insiden terbaru pengeboman dan tembakan.

Namun apa yang pasti, serangan berdarah terhadap Masjid al-Furqan kini menyebabkan semua penduduk kampung terbabit mengalami trauma dan ketakutan untuk keluar malam.


Anak imam Wan Abdullah Wan Latif, yang terkorban dalam serangan itu bersama 11 lagi jemaahnya, Wan Nasir Wan Abdullah, 30, berkata sejak tiga tahun lalu, Kampung Air Tempayan itu aman daripada sebarang kejadian tidak diingini.

"Kali terakhir, kes tembakan berlaku di kampung ini kira-kira tiga tahun lalu memabitkan serangan yang menyebabkan seorang penduduk mati. Sejak itu, kampung ini kelihatan aman.

"Namun, serangan terhadap masjid ini amat mencekaskan kami. Malah, kini untuk keluar malam, sama ada ke masjid dan surau pun, kami takut kerana musuh boleh berada di mana-mana," katanya.



KAKITANGAN Hospital Narathiwat membawa penduduk yang cedera menaiki ambulans untuk dirawat.



PENDUDUK membawa jenazah mangsa terkorban dalam serangan ke tanah perkuburan :
Cho Airong, Narathiwat, semalam.



ORANG ramai melihat mayat mangsa serangan di Masjid al-Furqan, Kampung Air Tempayan,
malam kelmarin.

REUTERS

REUTERS

Serangan dari arah belakang dan tepi

DARI MUKA 1

Nasir, 42, yang juga penghulu kampung itu berkata, imam Wan Abdullah Wan Latif, 62, sedang membaca surah al-Fatihah pada rakaat kedua apabila mereka diserang dua lelaki bersenjata kira-kira jam 9 malam waktu Malaysia itu.

Dua penyerang itu, yang berpakaian serba hitam, masing-masing berada di pintu utama dan sebelah kanan masjid berkenaan, melepaskan tembakan dari jarak kurang tiga meter ke arah jemaah, menyebabkan kebanyakan mangsa mati akibat terkena tembakan di kepala dan tubuh badan masing-masing.

Serangan kejam itu, yang dianggap paling buruk di selatan Thailand, menyebabkan 10 jemaah termasuk Wan Abdullah mati serta-merta, ma-

nakala dua lagi jemaah meninggal dunia ketika dalam rawatan kecemasan di Hospital Narathiwat.

Sebelas lagi mangsa cedera parah dan dirawat di hospital itu. Hanya Nasir dan seorang lagi jemaah terselamat dalam serangan itu, tetapi terpaksa dirawat di Klinik Cho Airong dekat sini, ekoran trauma dan serangan jantung kerana terkejut.

Nasir berkata, tembakan bertalu-talu dari arah belakang dan tepi berlaku hampir 10 minit, menyebabkan ramai jemaah tumbang.

"Saya yang berada di hujung saf di sebelah kanan, turut merebahkan badan. Ketika kelam-kabut itu, saya merangkak di celah jemaah yang cedera dan berlumuran darah, menuju ke stor di sebelah tempat imam. Saya duduk di situ sehingga penyerang melarikan diri," katanya ketika

ditemui semalam.

Walaupun bersyukur kerana terselamat dalam serangan itu, Nasir amat bersedih mengenangkan ramai jemaah termasuk Wan Abdullah yang menjadi korban serangan kejam itu.

Isteri Wan Abdullah, Yah Che Kob, 58, berkata ketika kejadian beliau berada di rumahnya, kira-kira 50 meter di hadapan masjid berkenaan.

"Secara tiba-tiba, saya mendengar bunyi tembakan bertalu-talu macam bertih goreng dari arah masjid. Saya terus berlindung di sebalik pintu rumah dan sejurus selepas itu, terdengar jeritan penduduk kampung menyatakan masjid diserang.

"Saya hanya mampu mendoakan keselamatan suami kerana saya tahu dia mengimamkan solat Isyak. Secara kebetulan anak lain keluar, jika tidak mereka juga berjemaah

di masjid," katanya.

Yah berkata, jenazah suaminya hanya dapat dikeluarkan dari masjid itu kira-kira jam 7 pagi semalam.

"Serangan ini amat kejam. Mereka tergamak menyerang dan membunuh umat Islam yang sedang solat," katanya dengan nada sedih mengenangkan kematian suaminya yang sudah 15 tahun menjadi imam masjid itu.

Adik Wan Abdullah, juga seorang imam, Wan Ismail Wan Latif, 58, berkata selain abangnya, turut terkorban ialah lapan ahli kumpulan tabligh yang berkunjung ke masjid itu sejak tiga hari lalu.

Jenazah semua mangsa disemadikan dalam satu liang lahad di tanah perkuburan kampung itu kira-kira 11 pagi semalam dengan dihadiri kira-kira 2,000 penduduk termasuk kumpulan pelajar pondok sekitar Narathiwat.

Yang Dipertua Majlis Agama Islam Narathiwat, Abdul Razak Ali, yang meninjau tempat kejadian pagi semalam, mengutuk serangan kejam itu.

"Serangan kejam ini didalangi pihak yang tidak mahu melihat keamanan dinikmati semua penduduk di selatan Thailand. Mereka yang berbuat begini sebenarnya mahu melihat selatan Thailand terus berada dalam pergolakan," katanya.

Tinjauan *Berita Harian* mendapati, dinding depan masjid dan cermin pintu turut mempunyai kesan peluru, dipercayai akibat tembakan yang tersasar, manakala sebahagian besar lantai dipenuhi darah jemaah yang terkorban. Kesan itu hanya dibersihkan kira-kira 2 petang semalam dengan sebuah lori tangki air yang dihantar pihak berkuasa tempatan.



Wan Abdullah - Imam terkorban



Abdul Razak